

NOTIS LANJUTAN TEMPOH SERAHAN TENDER BERIKUT :

- 1. Kajian Penyelarasan Akta Perancangan Bandar Dan Desa Yang Diterimapakai Di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan);**
- 2. Kajian Pengenalpastian Kawasan-Kawasan Pemajuan Sepertimana Seksyen 38, Akta 172; dan**
- 3. Kajian Pemeliharaan Pokok Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Mengikut Peruntukan Bahagian VA, Akta 172**

**TARIKH SERAHAN DILANJUTKAN DARI 3 APRIL 2020 (JUMAAT)
KEPADA **20 APRIL 2020 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAHARI****



KETUA PENGARAH
DIRECTOR GENERAL
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
DEPARTMENT OF TOWN AND COUNTRY PLANNING
Kementerian Wilayah Persekutuan
Ministry of Federal Territories
Aras 12, Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA MALAYSIA

Tel: 603-8091 0000
Faks (Fax): 603-8091 0455
Portal Jabatan: www.planmalaysia.gov.my
Emel : mohdanuar@townplan.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JPBD (IP)S185/646/1
Jld. 163 (~~26~~)
Tarikh : ~~24~~ 30 Februari 2020
Jamadilakhir 1441H

Pengerusi
Lembaga Perancang Bandar Malaysia
d/a. PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Aras 6, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya

Tuan,

PEMAKLUMAN TAWARAN TENDER TERBUKA BAGI PROJEK TAHUN 2020 PLANMalaysia (JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- ...
2. Sukacita dimaklumkan bahawa PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) akan mengiklankan tawaran **TENDER TERBUKA** bagi projek tahun 2020 di laman web MyProcurement, Kementerian Wilayah Persekutuan, PLANMalaysia dan PLANMalaysia@Negeri bermula pada **2 Mac 2020 (Isnin)** dan akan berakhir pada **23 Mac 2020 (Isnin)** seperti di **Lampiran 1**.
 3. Untuk makluman tuan, dokumen pelawaan akan mula dijual di kaunter Seksyen Kewangan, Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya dengan kadar RM50.00 bagi setiap satu (1) set bermula pada **2 Mac 2020 (Isnin)** mengikut waktu operasi berikut : -

WAKTU OPERASI JUALAN DOKUMEN TENDER :

Isnin - Khamis : 9.00 pagi hingga 1.00 petang

Jumaat : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Sabtu/ Ahad/ Cuti Am/ Cuti Umum : TUTUP

***Tiada urusan dilaksanakan selepas waktu operasi di atas bagi tujuan urusan perbankan.**

4. Untuk makluman tuan, Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah diserahkan dan dialamatkan kepada **Ketua Pengarah PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada **23 Mac 2020 (Isnin)**.


5. Sehubungan itu, Jabatan memohon jasa baik dan kerjasama tuan untuk memaklumkan kepada semua perunding perancang bandar yang berdaftar di bawah Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) mengenai tawaran tender tersebut.

6. Kerjasama tuan berkenaan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, pihak puan boleh menghubungi **TPr Noor Ashikin binti Abd. Rahman** di talian **03-8091 0032** atau **Puan Noriza binti Sulong** di talian **03-8091 0035**.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' TPr MOHD ANUAR BIN MAIDIN)
Ketua Pengarah
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

*TL\S\NA\NAAR\JINS\PE-Projek2020\PelaksanaanPerolehan_KLAN_LPBM.doc

- s.k.
- 1) Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)
PLANMalaysia
 - 2) Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
PLANMalaysia
 - 3) Ketua Unit Penyelarasan Projek
PLANMalaysia
 - 4) Ketua Seksyen Kewangan
PLANMalaysia



**PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding perancangan bandar dan wilayah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **330206** untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

Bil.	No. Tender/ Nama Projek	Kod Bidang	Tarikh, Tempat & Masa Tutup	Syarat Utama Pelawaan
1.	JPBD(IP)S 185/646/1-118 Kajian Penyelarasan Akta Perancangan Bandar dan Desa Yang Diterimapakai Di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan)	330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah) atau 340901 (Kajian Perundangan)	23 Mac 2020 (Isnin) Jam 12.00 tengah hari	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) 2. Berdaftar di bawah Kod 330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah) atau 340901 (Kajian Perundangan) 3. Berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) atau berdaftar dengan Badan Peguam Negara 4. Tempoh pendaftaran Kementerian Kewangan dan LPBM masih sah laku
2.	JPBD(IP)S 185/646/1-120 Kajian Pengenalpastian Kawasan-Kawasan Pemajuan Sepertimana Seksyen 38, Akta 172	330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)	Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) 2. Berdaftar di bawah Kod 330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah) 3. Berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) 4. Tempoh pendaftaran Kementerian Kewangan dan LPBM masih sah laku
3.	JPBD(IP)S 185/646/1-119 Kajian Pemeliharaan Pokok Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Mengikut Peruntukan Bahagian VA, Akta 172	330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)		4. Tempoh pendaftaran Kementerian Kewangan dan LPBM masih sah laku

- Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapatkan daripada kaunter di **Seksyen Kewangan, Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya** bermula pada **2 Mac 2020 (Isnin)** hingga **23 Mac 2020 (Isnin)**.

WAKTU OPERASI JUALAN DOKUMEN TENDER :

Isnin - Khamis : 9.00 pagi hingga 1.00 petang
Jumaat : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
Sabtu/ Ahad/ Cuti Am/ Cuti Umum : TUTUP

*** TIADA URUSNIAGA DILAKSANAKAN SELEPAS WAKTU OPERASI DI ATAS BAGI TUJUAN URUSAN PERBANKAN.**

- Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar **RM50.00** bagi setiap satu (1) set.
- Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di bahagian atas sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada :

Ketua Pengarah
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya

- Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Pelawaan Tender Terbuka di Seksyen Kewangan PLANMalaysia seperti alamat di atas **tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 23 Mac 2020 (Isnin)**. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- Firma perunding yang berminat adalah dijemput hadir ke sesi taklimat yang akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 13 Mac 2020 (Jumaat)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Latihan Kemboja@11, Aras 11,
Bahagian Khidmat Pengurusan,
PLANMalaysia, Blok F5,
Parcel F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya.